

Agama Itu Nasihat

berfikirlah dahulu sebelum berkata,

bermenunglah sejenak sebelum menjawab.

Agar apa yang kita katakan adalah satu

perkataan yang baik, dan apa

yang kita jawab adalah yang

tegas, jujur dan benar. Sebagaimana

kata pepatah: “Berjalan jaga kaki

berkata jaga lidah.” Seandainya

perkataan yang kita tuturkan satu

perkataan yang baik dan besar, dan

jawapan yang diberi atau diterima

jawapan yang baik dan benar juga

itulah salah satu yang akan menjadi

penawar dalam kehidupan demi mendaki

ke alam nan dunia dan di akhirat — *Āmīn*.

Kata-kata Hikmah

Makmurkanlah masjid, kerana daripada

masjid itulah diuruskan perkara

ibadah, perkara sosial, perkara

siasah, dan tatanegara serta

sumber kehidupan sehari-hari.

(Kiyai Haji Anwar Musaddad)

Mangsa Kekejaman Yahudi Di Palestin



Beginilah nasib buruk yang sedang dialami oleh saudara-saudara kita orang-orang Islam di Palestin, setelah negara mereka tertakluk di bawah kekuasaan tentera-tentera Yahudi yang bersifat kejam itu. Rumah tangga mereka diruntuhkan, harta benda mereka dirampas dan mereka diusir pula keluar dari kampung halaman mereka.

Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

(V)

----- (Oleh: al-Ustādh Yusuf al-Azam)

Di dalam siri yang kelima ini, para pembaca dapat mengikuti kupasan-kupasan yang lebih bernas dari penulis makalah ini terutama mengenai bahaya-bahaya keruntuhan moral dan akhlak generasi Muslim angkatan baru di zaman ini sehingga mereka terus menyeleweng dari ajaran-ajaran Islam yang akan menjamin keselamatan hidup mereka di masa yang akan datang.

Kemudian dengan secara tegas dan berterus-terang dibongkarnya rahsia-rahsia pengembang agama Kristian menjalankan tipu muslihat mereka yang begitu halus dan teratur untuk meruntuhkan semangat kebangsaan dan menghancurkan roh keislaman yang tertanam di jiwa pemuda-pemudi Islam yang tidak mempunyai pendirian dalam menghadapi cabaran hidup.

Di akhir sekali ditegaskannya bahawa cara hidup orang-orang Islam tidak akan berubah selagi pemimpin-pemimpin yang memegang teraju pemerintahan tidak mahu mengubah sikap dan sifat-sifat yang mereka pusakai dari kaum penjajah yang telah banyak meninggalkan negara-negara Islam dari belunggu penjajahannya — Pengarang.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Dua Persimpangan Jalan:

Di dalam keadaan suasana dunia Islam sedang bergolak dengan pengaruh-pengaruh kebudayaan Barat, maka pada saat itu lahirlah generasi-generasi Muslim angkatan baru untuk akan turut sama berkecimpung melanda lautan samudera hidup di zaman moden yang datangnya di akhir abad yang kedua puluh.

Kian hari, kian bulan dan seterusnya kian tahun besarlah anak-anak generasi angkatan baru itu mengarungi samudera hidup di bawah pendidikan yang bercampur aduk di antara pendidikan yang berbentuk agama dan pendidikan yang berbentuk moden ala Barat. Dua persimpangan jalan ini mesti ditempuhi oleh generasi-generasi Muslim angkatan baru. Teraju untuk memandu mereka memasuki dua persimpangan jalan yang luas terbentang di hadapan mereka

adalah terletak di tangan kedua ibu bapa; kepada keduanyalah mereka menyerahkan segenap jiwa raga mereka untuk menetapkan corak hidup mereka bagi menentang cabaran zaman di masa mereka berada di alam dewasa kelak. Kalau dari sejak kecil pendidikan yang diterima oleh mereka lebih mirip kepada kebaratan, maka ke Baratlah haluan yang akan mereka tuju di kala mereka dewasa nanti, tetapi jika dari sejak kecil jiwa mereka dipenuhi dengan pendidikan ketimuran yang berdasarkan ajaran-ajaran agama, maka akan ke Timurlah haluan hidup yang akan mereka tuju.

Keaslian dan Kepalsuan:

Melihat kepada pergolakan taufan kebudayaan Barat yang sedang hebat mempengaruhi jiwa sebahagian besar dari generasi-generasi Muslim angkatan muda di zaman ini, maka bagi pihak

musuh-musuh Islam sedikit pun mereka tidak berasa bimbang, malahan mereka boleh tidur dengan lena, dengan tidak payah bekerja keras mempengaruhi jiwa generasi-generasi Muslim angkatan muda itu dengan secara lisan, lantaran mereka sudah yakin dan percaya bahawa 75 persen dari akidah keimanan pemuda Islam pada hari ini telah rosak dan lemah, dilemahkan oleh pengaruh-pengaruh kebudayaan Barat yang sebegitu hebat menguasai segenap jiwa raga mereka.

(Ini bererti bahawa 75 persen pula dari matlamat perjuangan yang mereka tuju untuk menghancurkan Islam di seluruh dunia telah berada di ambang kejayaan — P).

Kalau sudah kita sendiri dapat menyaksikan dengan mata kepala kita pada hari ini orang-orang Islam yang berjihad bersih, berhati mulia dan

Di Mana Tempat Perlindungan...

mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat telah mulai tunduk menyerah diri menerima 'tawjih' atau 'panduan' yang telah diatur dengan sebegitu rapi oleh pihak musuh dengan berselindung di sebalik nama 'amal kebajikan' untuk kepentingan seluruh masyarakat manusia demi untuk memproses jalan hidup bahagia di dunia, sanggup menukar keaslian dengan kepalsuan, kemuliaan dengan kehinaan dan kebaikan dengan keburukan, maka apa lagi yang dapat kita harapkan dari mereka, selain dari kerosakan dan keruntuhan?!

Inilah kepahitan hidup yang sedang kita alami bersama pada hari ini. Inilah keruntuhan akhlak yang sedang dihadapi oleh sebahagian besar dari generasi Muslim angkatan muda yang mengakui bahawa mereka adalah generasi angkatan baru yang berjiwa progresif dan bersemangat kemajuan, tetapi progresif apa yang mereka bangga-banggakan dan kemajuan apa yang mereka kejar? Hanya segala kenyataan yang terbentang di hadapan mata kita akan memberikan jawapannya!

Tanggungjawab Kaum Ibu:

Sebagaimana yang telah kita tegaskan dengan berulang-ulang kali dalam makalah ini, bahawa kerosakan peribadi dan keruntuhan akhlak generasi Muslim angkatan muda kita pada hari ini adalah berpunca dari tersalah atau kurang pendidikan agama yang disemaikan ke dalam jiwa mereka dari sejak mereka masih berada di alam kanak-kanak. Tanggungjawab utama dalam soal pendidikan ini adalah terletak

di tangan kaum ibu yang mengasuh dan membesarkan kanak-kanak dari sejak ia selebar tapak tangan sehingga ia menjadi seorang pemuda atau pemudi yang seharusnya mempunyai tanggungjawab besar terhadap agama, masyarakat dan tanah air.

Melihat kepada begitu pentingnya soal pendidikan Islam mesti diberikan kepada generasi-generasi Muslim angkatan baru pada hari ini, maka dengan tidak jemu-jemunya kita mencari sumber puncunya soal pendidikan Islam itu dipertanggungjawabkan. Sekali lagi kita kembali mencari ibu Muslimah yang benar-benar mempunyai sifat-sifat seorang pendidik yang bertanggungjawab atas keliaran jiwa anak-anak muda, gadis dan pria dari ajaran-ajaran Islam yang akan menjamin keselamatan hidup mereka di masa yang akan datang.

Ibu-ibu Muslimah yang kita cari, yang akan kita letakkan tanggungjawab pendidikan Islam terhadap generasi muda-mudi angkatan baru di hari ini, ialah ibu-ibu yang berjiwa Islam, berpendidikan¹ Islam dan mengetahui sedikit sebanyak prinsip-prinsip ilmu pendidikan yang mengikuti dasar-dasar pengajaran yang dibawa oleh al-Qur'an. Di jiwa mereka tertanam sifat-sifat kejujuran, sabar, tabah hati menghadapi sesuatu *problem* sewaktu menjalankan tugas yang seberat ini. Di samping itu mereka mestilah memiliki sifat amanah, benar dan menepati janji, lantaran sifat-sifat tersebut perlu sekali diperlihatkan di hadapan kanak-kanak yang di bawah asuhan dan pendidikannya. Tegasnya kalau ia berjanji mestilah ditepati, kalau berkata-kata mestilah benar dan kalau ia

dipertanggungjawabkan sesuatu tugas mestilah amanah melaksanakannya.

Ada lagi beberapa sifat penting yang mesti dimiliki oleh ibu-ibu Muslimah yang bertugas di medan pendidikan, di antaranya ialah mempunyai sifat belas kasihan, kasih mesra, bertimbang rasa, suka merendahkan diri, bijaksana dan adil saksama, tidak pilih kasih dan tidak memandang berat sebelah antara seorang anak dengan anak yang lain. Dia mestilah menganggap bahawa dirinya itu sebagai seorang ibu kandung terhadap kanak-kanak yang di bawah pendidikannya yang mana rasa kasih sayang mestilah dicurahkan kepada mereka semua dengan tidak memperbezakan di antara satu dengan lain. Di antara sifat-sifat yang terpenting sekali mesti tertanam di jiwa pendidik ialah takwa, sopan santun dan berlemah lembut menghadapi sesuatu *problem* terhadap kanak-kanak yang mempunyai bermacam-macam tabiat dan berbagai tingkah laku yang mengganggu urat saraf dan membingungkan fikiran. Semuanya ini haruslah dihadapi dengan sabar, tenang dan cekal hati.

Antara Kolot dan Moden:

Di tanah kita — negara-negara Islam — bukan sedikit bilangan pemuda-pemuda yang terdiri daripada generasi-generasi angkatan baru yang mempunyai semangat keislaman, di jiwa mereka masih teguh tertanam semangat jihad yang tak mudah dibasmi dan dihapuskan oleh pengaruh-pengaruh dari luar, mereka bekerja semata-mata dengan kerana Allah, berkorban di jalan Allah dan berusaha membanting tulang demi untuk mencari keredaan Allah.

¹ Perkataan sebenar ialah berpendidikan.

Di Mana Tempat Perlindungan...

Tetapi sayang seribu kali sayang! Pemuda-pemuda yang berjiwa begitu suci, bersemangat begitu tinggi, bercita-cita begitu besar, tidak diberikan tempat yang sewajarnya dalam masyarakat moden; lantaran mereka tak pandai berlagak dan tak mengerti hidup cara pura-pura menipu bangsa dan masyarakat. Mereka dipencilkan, tak diberi kesempatan bergaul dalam masyarakat moden yang penuh dengan kepalsuan, malahan mereka dicap pemuda yang berjiwa kolot, bersemangat ortodoks, tidak tahu erti progresif dan tidak berminat untuk mengejar kemajuan dunia di zaman tamadun.

Kesucian jiwa mereka ternyata, semangat keberanian mereka terserlah² dan roh pengorbanan mereka kelihatan, bilamana masyarakat bangsanya dilanda bahaya, pemuda-pemuda yang dianggap kolot inilah yang keluar berjuang membela masyarakat dari sebarang ancaman, pemuda-pemuda yang dicap ortodoks inilah yang tampil ke muka berjihad menentang sebarang angkara murka, mempertahankan kesucian agama, kemuliaan bangsa dan tanah air mereka dari dinoda dan diperkosa musuh.

Di saat itu ke mana perginya pemuda-pemuda moden yang mengagung-agungkan dirinya berjiwa kemajuan, ke mana menghilangnya pemuda-pemuda progresif yang melaung-laungkan suaranya sebagai “pemuda harapan bangsa”. Kiranya di saat yang sebegitu genting, mereka dengan serta-merta telah bertukar corak, menjadi pemuda pengecut, pemuda yang tidak berani

bertanggungjawab menghadapi kenyataan. Di kala itu barulah ternyata segala sifat-sifat kepalsuan yang tertanam di jiwa mereka yang kotor bernoda. Mereka menghilangkan diri bersembunyi di ceruk dapur, berselimut di bawah tilam dengan tubuh yang menggeletar tak bermaya. Pemuda-pemuda yang dianggap kolot dan ortodoks jugalah yang maju ke hadapan tampil ke muka mempersembahkan pengorbanan, menggadaikan jiwa raganya untuk membela kesucian agama dan mempertahankan kehormatan bangsa dan tanah airnya.

Tipu Daya yang Licin:

Pemuda-pemuda moden yang tanpa pendirian inilah yang sentiasa diintip oleh kakitangan kaum penjajah sebagai tulang belakang kaum Kristian untuk dijadikan mangsa dan alat mereka melemahkan semangat kebangsaan yang tertanam di jiwa bangsa-bangsa yang mereka jajahi, mereka ini jugalah dijadikan perkakas untuk melumpuhkan semangat keagamaan yang menyala dengan hebatnya di dada pemuda-pemuda yang dianggap kolot dan ortodoks itu.

Dengan secara halus sehingga tidak disedari oleh ibu bapa pemuda-pemuda moden itu, mereka dirayu dan dipujuk untuk memasukkan anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah *Convent* yang diasaskan oleh pengembang-pengembang agama Kristian dengan berselindung di sebalik tabir ‘amal kebajikan’.

Di sanalah jiwa mereka dirosakkan, akidah mereka dikabui dan fikiran mereka dibalut dengan sistem cara-cara hidup moden yang mereka bawa dari benua Barat itu natijahnya bilamana mereka keluar dari sekolah-sekolah tersebut dengan menggondol ijazah dan

title sarjana muda dan sebagainya, mereka telah melupai adat istiadat bangsa yang mereka pusakai dari sejak turun-temurun, mereka berani mencemuh dan memperhina-hinakan tata-tertib cara hidup bangsa mereka sendiri, seterusnya dengan tidak ada tabik kecuali lagi mereka dengan berterang-terangan sanggup melanggar hukum-hukum agama yang mereka anuti dan melakukan sesuatu perbuatan hina yang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya. Ini tidak menghairankan, lantaran gara-gara dari pendidikan Barat ala Kristian yang telah mereka terima dari sejak kecil menyebabkan jiwa keislaman mereka telah terkikis dan semangat kebangsaan mereka telah dihancurkan sama sekali dari lubuk hati mereka.

Ini adalah cara tipu daya yang paling halus sekali dijalankan oleh pengembang-pengembang agama Kristian terhadap generasi-generasi Muslim angkatan muda yang berada di abad kedua puluh ini. Dalam taktik penipuan yang sebegini licin, mereka telah berjaya. Segala pelan-pelan yang mereka rancang selama ini telah dapat mereka praktikkan dengan lancar. Hari demi hari pengaruh-pengaruh Islam telah dapat mereka padamkan dari jiwa generasi-generasi Muslim angkatan baru, sedikit demi sedikit semangat kebangsaan yang tertanam dengan mendalam di jiwa sesuatu bangsa yang mereka jajah telah dapat mereka kikis sampai ke akar umbinya.

Oleh itu mereka tidak bimbang dan sedikit pun tidak merasa ragu-ragu bahawa setiap anak jajahan yang telah mereka merdekakan itu akan tetap berpegang teguh kepada konsep tatatertib penjajahan yang telah sempat mereka tanamkan ke jiwa

² Perkataan yang sebenar ialah terserlah.

Di Mana Tempat Perlindungan...

pembesar-pembesar negara bekas anak jajahan mereka itu. Kemerdekaan yang telah mereka serahkan kepada anak-anak jajahan itu hanya merupakan suatu simbolik di luar kenyataan, sedang segenap perasaan, jiwa dan semangat yang tertanam di lubuk hati bekas anak-anak penjajah yang telah dimerdekakan itu masih lagi berbentuk bapa-bapa mereka kaum penjajah.

Sistem Penjajahan Diutamakan:

Ini yang menyebabkan banyak kita saksikan negara-negara Islam yang telah dilepaskan dari belenggu penjajahan pada hari ini, dasar pemerintahan negaranya masih lagi menggunakan sistem pemerintahan cara penjajahan, dalam segala bidang, dengan mengeneipkan sama sekali konsep-konsep pemerintahan yang bersistem dan berdasarkan keislaman menurut nas-nas dan prinsip-prinsip yang telah diatur dengan begitu kemas dan rapi oleh Tuhan Maha Pencipta.

Yang sangat kita bimbangkan sekarang ialah segenap perasaan, jiwa dan semangat generasi Muslim angkatan muda yang bakal menggantikan tempat kedudukan generasi Muslim angkatan tua akan disaduri pula oleh semangat penjajahan yang akan mereka pusakai dari bapa-bapa mereka yang bakal kembali ke alam *baqā'*. Kalau beginilah keadaannya terus berlaku dari satu generasi ke satu generasi, jauhlah panggang dari api konsep-konsep pemerintahan bercorak Islam dapat dilaksanakan di dalam negara-negara Islam di seluruh dunia.

Keadaan ini tak mungkin diatasi, selagi kaum ibu dan kaum bapa yang berada di zaman ini tidak mahu mengubah sikap, melontarkan sesuatu konsep ala penjajahan dengan menggantikannya dengan konsep ala Islam yang sangat cocok dan bersesuaian dengan jiwa dan tata-tertib kehidupan kita orang-orang Timur.

Cara-cara Menghadapinya:

Masalah yang paling penting sekali ialah memenuhkan dada anak-anak perempuan — yang bakal menjadi ibu dan pendidik utama di masa depan — dengan pengajaran-pengajaran moden yang bentuk dan prinsipnya tidak terkeluar dari dasar-dasar pengajaran yang dibawa oleh Nabi Islam melalui al-Qur'an al-Karim dan al-Hadīth al-Nabawī. Agar supaya manakala mereka telah meningkat ke alam dewasa kelak, dapatlah mereka mendidik dan menamakan semangat kebangsaan dan roh keislaman yang tulen sejati ke dalam jiwa anak-anak mereka yang bakal menjadi “pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara” dalam erti kata yang sebenarnya, demi untuk menghadapi pengaruh-pengaruh penjajahan ala Barat yang semata-mata bertujuan membasmi semangat kebangsaan dan roh keislaman yang paling ditakuti oleh kaum penjajah dari sejak zaman-berzaman.

Pengaruh-pengaruh Barat yang sedang menular dengan hebatnya ke dalam masyarakat muda-mudi Islam pada hari ini, mestilah dihadapi dengan cara yang bijak dan berdisiplin. Ia tidak mungkin dihadapi dengan kekerasan mengangkat senjata, lantaran ini bukannya jenis peperangan bersenjata, tetapi adalah perang pengaruh, pengaruh

mesti ditentang dengan pengaruh juga.

Dari sekarang kita mestilah mengatur barisan, mengadakan persediaan yang rapi, dengan mengkaji dan menyelidiki sebab-sebab utama dari sumber mana berpuncunya pengaruh-pengaruh asing yang baru mendatangkan berdagang diri di negeri-negeri Islam itu dapat menyeludup masuk dan bertapak di jiwa anggota masyarakat Islam pada hari ini?

(Bagi memulakan langkah menyelidik hal-hal yang tersebut di atas, marilah kita ikuti selanjutnya kupasan dan analisa-analisa yang bernas akan dibentangkan dengan sejelas-jelasnya oleh penulis makalah ini, di ruangan majalah Qalam bilangan akan datang! — P.).

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.